

ALLERSINE EYE DROPS

Tetrahydrozoline hydrochloride (0.5mg/1ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ALLERSINE EYE DROPS
2. Bagaimana ALLERSINE EYE DROPS berfungsi
3. Sebelum menggunakan ALLERSINE EYE DROPS
4. Cara menggunakan ALLERSINE EYE DROPS
5. Semasa menggunakan ALLERSINE EYE DROPS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ALLERSINE EYE DROPS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ALLERSINE EYE DROPS

ALLERSINE EYE DROPS digunakan untuk sementara melegakan kesakitan, pedih, gatal-gatal, kerengsaan dan mata berair dalam pelbagai keadaan alergi dan kerengsaan mata yang disebabkan oleh alahan, asbut, asap, habuk, angin dan kerengsaan mata yang lain.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan ALLERSINE EYE DROPS untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab ALLERSINE EYE DROPS dipreskripsikan kepada anda.

Bagaimana ALLERSINE EYE DROPS berfungsi

ALLERSINE EYE DROPS mengandungi bahan aktif yang dinamakan tetrahydrozoline hydrochloride. Tetrahydrozoline adalah dekongestan. Ia mengecilkan

salur darah untuk melegakan kemerahan pada mata yang disebabkan oleh kerengsaan mata ringan.

Sebelum menggunakan ALLERSINE EYE DROPS

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ALLERSINE EYE DROPS jika anda alah pada Tetrahydrozoline atau sebarang bahan kandungan yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan guna ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda telah mengarahkan anda berbuat demikian.

Jangan menggunakan ALLERSINE EYE DROPS selepas tarikh luput yang dicetak pada pek bungkusan. Jika anda menggunakan ubat selepas tarikh luput, ia mungkin tidak berkesan.

Jangan menggunakan ALLERSINE EYE DROPS jika anda mempunyai glaukoma sudut tertutup (tekanan mata tinggi) atau jangkitan mata yang serius.

Tidak disyorkan untuk kegunaan kanak-kanak bawah 6 tahun kecuali atas nasihat pegawai perubatan.

Jangan menggunakan ALLERSINE EYE DROPS jika bungkusan rosak atau ada tanda-tanda pembungkusan telah dibuka

- Sebelum mula menggunakan

Maklumkan doktor anda jika anda alah terhadap sebarang

ubat-ubatan, makanan, bahan pewarna atau pengawet.

Kehamilan

Penggunaan Tetrahydrozoline Hydrochloride semasa mengandung belum dibuktikan.

Bagitahu doktor anda jika anda mempunyai:

- penyakit mata lain yang serius
- tiroid terlebih aktif
- penyakit jantung
- tekanan darah tinggi
- kencing manis
- sedang menggunakan ubatan seperti inhibitor monoamine oxidase

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ALLERSINE EYE DROPS.

Bagaimana menggunakan ALLERSINE EYE DROPS

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan dengan teliti. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor, atau ahli farmasi untuk mendapatkan bantuan.

Dos yang disarankan:

Letakkan satu atau dua titik pada mata atau seperti yang diarahkan oleh seorang doktor.

- Bila digunakan

Gunakan sehingga empat kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama untuk digunakan

Teruskan menggunakan ALLERSINE EYE DROPS

seperti yang diarahkan doktor anda. Sekiranya keadaan berterusan, sila jumpa doktor anda.

- *Jika anda lupa menggunakannya*

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu mengambil ubat itu dan langkau dos yang tidak diambil. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan untuk dos yang tidak diambil.

- *Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda menganggap anda atau sesiapa mungkin menggunakan terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera

Kesan terlebih ubat boleh menyebabkan rasa mengantuk, suhu badan yang berkurangan, kadar degupan jantung yang terlalu lambat, *shock like hypotension* (pening, mengantuk dan kekeliruan), pernafasan berhenti sementara dan koma.

Semasa anda menggunakan ALLERSINE EYE DROPS

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ALLERSINE EYE DROPS.

- *Perkara yang tidak boleh anda lakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan sentuh hujung penitis ke mana-mana permukaan dan sentiasa tutup selepas guna.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda tahu bagaimana ALLERSINE EYE DROPS memberi kesan kepada anda.

Keluarkan kanta lekap sebelum menggunakan produk ini, dan kanta lekap itu hanya boleh dimasukkan semula selepas 15 minit ubat dititiskan. Produk ini tidak boleh digantikan dengan cecair kanta sentuh.

Sekiranya anda mengalami kesakitan mata, perubahan dalam penglihatan, kemerahan atau kerengsaan mata berterusan, atau jika keadaan bertambah teruk atau berterusan lebih daripada 72 jam, hentikan penggunaan dan berunding dengan doktor, kerana ini mungkin menandakan keadaan yang lebih serius.

Penggunaan berlebihan produk ini boleh menghasilkan kemerahan mata yang lebih teruk.

Basuh tangan anda dengan kerap, terutamanya selepas menyentuh mata.

Kesan sampingan

Seperti semua ubat, ALLERSINE EYE DROPS boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak

semua orang mendapatnya. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan guna ubat dan rujuk kepada doktor.

Jika anda mengalami kesan sampingan berikut, berhenti menggunakan ubat ini. Jumpa doktor sekiranya teruk:

- Sakit kepala
- Tekanan darah tinggi
- Kelemahan
- Berpeluh
- Jantung berdebar-debar
- Menggeletar
- Pandangan kabur
- Kerengsaan mata
- Pembesaran anak mata

Penggunaan jangka masa panjang boleh memburukkan simptom dan perlu dielakkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda dapati apa-apa gejala yang membuatkan anda berasa kurang sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau lawat laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan ALLERSINE EYE DROPS

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah 30°C.

Lindungi dari cahaya. Jauhi dari capaian kanak-kanak.

Jangan guna selepas 1 bulan dibuka.

Tidak boleh digunakan jika warna cecair menjadi keruh atau bertukar warna.

- *Pelupusan*

Ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara melupuskan ubatan yang betul. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Cecair yang jernih dan tidak berwarna

- *Bahan kandungan*

- Bahan aktif:

- Tetrahydrozoline Hydrochloride

- Bahan tidak aktif:

- Benzalkonium Chloride
- Borax
- Sodium Chloride
- Disodium Edetate
- Water for Injection
- Boric Acid

- *Nombor MAL*

MAL19900055AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RIMUP

23/08/2019

Nombor Siri:

NPRA/(R4/1)230819/00234